

Ramadhan
Semakin
Hampir



UNTUK SEBARAN UMUM

BULETIN HUFFAZ

"Memartabatkan Al-Quran, Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW "

Maahad Tahfiz Ad-Daie Wal Diniah (MADANI) adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.




<https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>



<https://www.tahfizmadani.com/>

Bil 1/2024



Segmen

Bersama Mudir

5 Tips Menghadapi Ujian
Hidup

Sentuhan Al Quran

3 Qul Sebagai Asas
Pembinaan Diri

Siri 01

Mutiara Sirah

Hakikat Cinta Rasul



**Perkembangan
Tahfiz MADANI**



Tak Kenal maka Tak Cinta

Sejarah MADANI

Pada Tanggal 13 Disember 2013 melalui Surat akaun rasmi & akad mulut rasmi berlakunya proses waqaf Di Pejabat Majlis Agama Islam Perak Cawangan Teluk Intan Perak Di hadapan Ustaz Saiful Ketua pegawai Majlis Agama Islam cawangan Teluk Intan & disaksikan oleh Ustaz Abdul Latiff Ismail, Tuan Haji Rahman Yahya



iaitu suami pewaqaf(Cikgu Noraini Jaafar), Arwah Ustaz Amran pengerusi Koperasi Ihsan Negeri Perak Berhad, Ustaz Ibrahim Dari Koperasi Ihsan Negeri Perak. Pada 21 Jun 2014 telah diadakan satu Majlis pecah tanah dengan satu Majlis Makan tengahari Amal dengan pelaksanaan 27 buah khemah Yang dihadiri ribuan ahli masyarakat bagi memberi suntikan semangat bagi



memulakan kutipan Dana untuk membina bangunan utama Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah ini

Majlis ini telah disiarkan di dalam satu ruangan surat khabar utama & juga dirakam di dalam channel youtube.

Pada Bulan September 2014 telah dimulakan pembinaan MADANI. Alhamdulillah akhirnya dapat disiapkan penghujung tahun 2017 dengan Kos 2 juta ringgit.

<https://www.youtube.com/watch?v=gNiBJ8plvys>



Bersama Mudir
MADANI

5 Tips Menghadapi Ujian Hidup

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالثَّمَرَاتِ ۚ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

"Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."

(AL Baqarah: 155)



REMPAH RATUS KEHIDUPAN

- Jatuh bangun, suka duka, gagal berjaya, sakit sihat bahkan hidup mati.... Semua ini adalah rempah ratus kehidupan.
- Jangan pernah membayangkan kehidupan tanpa ujian kerana ia akan mengecewakan kita
- **Ujian itu sifatnya bersilih ganti** persoalannya bukan kenapa kita diuji tetapi bagaimana kita menghadapinya?



I. Belajar Menerima

- Ujian itu meletihkan jiwa sekiranya **ADA PENOLAKAN** dari dalam diri kita
- Belajarlah untuk menerima segala ketentuan Allah terutamanya sesuatu yang memang tidak boleh diubah.
 - I. Meyakini bahawa Allah menyusun takdir & tadbir-Nya dengan penuh **CINTA** bukan kebencian.
 - II. Bahkan Allah mengaturnya dengan penuh **KEBIJAKSANAAN** bukan dengan kecuaiian dan kelalaian.

2. MENERIMA KELEMAHAN DIRI

Terimalah yang kita ada kelemahan

- I. Kita mungkin tersilap dalam membuat keputusan
- II. Kita mungkin lemah dalam sudut-sudut tertentu
- III. Kita mungkin cuai, lalai atau terlepas pandang

Menerima bermaksud kita bersedia untuk belajar dari kesilapan & akan cuba perbaiki diri.



3. SEDARI BAHAWA HIDUP INI SENTIASA BERUBAH

- Hidup ini sentiasa berubah dan kita juga perlu menerima dan melakukan perubahan ... tetapi biarlah perubahan yang baik.
- Untuk berubah atau menerima perubahan ada HARGA yang perlu dibayar
- Perubahan itu terkadang berlaku 'secara tiba-tiba' dan terkadang kerana 'terpaksa'. Pilih untuk berubah sebelum kita terpaksa berubah.

4. TERIMA UJIAN SEBAGAI PROSES KEMATANGAN DIRI

- **Dengan ujian kita**
 - I. Mengenal diri**
 - II. Menyadari kesalahan**
 - III. Mengukur kekuatan diri**
 - IV. Menyadari jarak perjalanan hidup**
 - V. Menghargai apa yang kita miliki**



5. PILIH UNTUK MENIKMATI KEHIDUPAN

- Kita boleh mengeluh ketika menaiki anak tangga atau kita menikmatinya sebagai satu sesi senaman
- Kita boleh anggap kritikan tajam sebagai kecaman atau terima sebagai pandangan
- Kita boleh mengubah apa yang ada dalam diri kita walaupun sukar untuk kita ubah 'dunia luar' kita
- **Ada masa-masa ujian terasa berat, kita beri hak pada diri untuk rehat dan rawat.. Kita bukan 'super human'**





2024/1445H

Sumbangan Ramadhan

MAAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH

Pakej Tajaan

- Tajaan Sahur :
RM10 X 45 = RM450.00
- Tajaan Berbuka :
RM15 X 45 = RM675.00
- Tajaan Moreh :
RM10 X 45 = RM450.00
- Tajaan Bebas :
Sumbangan seikhlas hati
- Tajaan Khusus



SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN MELALUI AKAUN
MAAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH
558060511484 Maybank

SEMARAK RAMADHAN



SENTUHAN AL QURAN

3 Qul Sebagai Asas Pembinaan Diri

Siri 01

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

(yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram. (Ar Ra'du: 28)



MENJERNIHKAN TAUHID DENGAN AL-IKHLAS





Makna Tauhid

- Istilah tauhid menurut bahasa berasal daripada perkataan arab “وَحْدٌ” yang bermaksud menyatukan sesuatu, dan perkataan tersebut menunjukkan sesuatu yang tunggal. Ia dengan erti tidak memiliki kesamaan dari sesuatu. Disebabkan itu, bagi menunjukkan keesaan Allah, maka orang Arab menyebut “اللهُ وَاحِدٌ” yang bermaksud Allah adalah Esa dan tidak ada yang menyamai-Nya dalam segala hal.
- Dengan itu perkataan tauhid (توحيد) mengandungi makna pengetahuan tentang ke-Esaan Allah SWT, tiada tandingan, saingan dan yang sama dengan-Nya. Oleh itu, jika seseorang tidak berkeyakinan sedemikian – meng-Esakan Allah – maka sesungguhnya dia tidak bertauhid. (Lihat Tahzib al-Lughah, 5/192-198 dan Mu’jam Maqayis al-Lughah, hlm. 1084, al-Ta’rifat, hlm. 96)
- Manakala kalimah tauhid menurut istilah adalah mengesakan Allah terhadap apa sahaja yang khusus bagi-Nya seperti ke-Ilahian, ke-Tuhanan dan nama-nama serta sifat-sifat-Nya. Penggunaan istilah dan maknanya terdapat dalam beberapa firman Allah SWT dalam surah Al Ikhlas



15 قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . اللَّهُ الصَّمَدُ .

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ

. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Katakanlah "Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allahlah tempat bergantung. Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada bagiNya sesuatu apapun yang menyerupaiNya

Pengenalan

- Diturunkan di Mekah. Ada juga riwayat mengatakan turun di Madinah.
- Ia menjelaskan keesaan Zat Allah, keesaan Sifat ketuhananNya dan keesaan perbuatanNya.
- Dinamakan surah Al-Ikhlâs (Tauhid yang sebersih-bersihnya) kerana dalam surah ini Allah swt memerintahkan junjungan besar Rasulullah saw supaya menegaskan kepada umum: Bahawa Allah Taala Maha Esa – dan tiada bandinganNya.

1/3 Al Quran

أَنَّ رَجُلًا سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ يُرَدِّدُهَا، فَلَمَّا أَصْبَحَ جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ، وَكَانَ الرَّجُلُ يَتَقَالُّهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ : ((وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، إِنِّي لَتَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ.

“Sesungguhnya seseorang mendengar orang lain membaca قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ dengan mengulang-ulangnya, maka tatkala pagi harinya, dia mendatangi Rasulullah dan menceritakan hal itu kepadanya, dan seolah-olah orang itu menganggap remeh surah itu, maka bersabdalah Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam:

“Demi Dzat yang jiwaku berada di tanganNya, sesungguhnya surah itu sebanding dengan sepertiga Al-Qur’an”. Riwayat Bukhari, Abu Dawud, Nasaie.





Asbaabun Nuzul 18

Kaum Yahudi datang menghadap Rasulullah, di antaranya ialah Ka'ab bin Asyraf dan Huyai bin Akhtab. Mereka berkata: "Hai Muhammad, ceritakan kepada kami sifat-sifat Tuhan yang mengutusmu."

Maka penurunan ayat ini (Surah al Ikhlas: 112: 1-4) adalah disebabkan peristiwa tersebut. (Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim dari Ibnu Abbas) (Diriwayatkan pula oleh Ibnu Jarir dari Qatadah dan Ibnu Munzir dari Said bin Jubair.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Katakanlah “Dialah Allah, Yang Maha Esa

Ahad

- Lebih halus dari wahid (satu)
- Keesaan sbg Pencipta, Penguasa


Bersih

- Keyakinan ini membersihkan pergantungan & pengharapan kepada selain Allah SWT
- Kita hanya bertawajjuh (Menghadapkan diri; berdoa, berharap dll) kepada Allah diwaktu susah atau senang.

Kekuasaan

- Kerana kekuasaan mutlak milik Allah SWT. Tidak ada perkongsian
- Allah lah Ilah (Tuhan yang disembah) & Dia lah yang berhad menentukan sistem hidup





Pokok Pangkal Aqidah 20

Inilah pokok pangkal aqidah, puncak kepercayaan. Mengakui keesaan dan ketuhanan Allah SWT. Inilah yang dinamakan TAUHID.

Ini adalah pusat kepercayaan di dalam pertimbangan aqal yang sihat Hanya satu tuhan. Mustahil aqal mampu menerima selain dari hakikat ini. Inilah krisis dalam agama Kristian apatah lagi agama yang menyembah pelbagai tuhan.


Inilah '*CENTRE*' kehidupan dan keseimbangan jiwa. Hanya Allah yang menentukan segala-galanya dalam kehidupan kita; baik dan buruk, manfaat dan mudharat. Jika keyakinan ini goyah maka jiwa akan goyah ketika berdepan ujian kehidupan.

اللَّهُ الصَّمَدُ

Allahlah tempat bergantung

Allah yang mencipta segala sesuatu,
Dialah Pemilik mutlak, Penentu
mengikut apa yang Dia kehendaki
maka Dialah tempat kita bergantung &
berharap. Dialah tempat kita
berlindung daripada apa pun jua.

Hakikat ini akan menjadikan jiwa kita
hidup & tenang. Kita akan mampu
berfikir secara teratur dan waras
kerana kita meyakini, selain Allah tidak
akan dapat mendatangkan manfaat
atau mudharat



Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan

Yang memerlukan anak adalah makhluk yang mengkehendaki keturunan dan cemas kerana itu. Sedangkan Allah Maha Hidup.

Kalau Allah ada anak maka satu hari anakNya akan menggantikanNya dan Dia akan makin tua. Jika begitu sebelum tu Dia pernah jadi kanak-kanak kemudian dewasa. *Hati yang bersih murni akan menolak hakikat ini. Tidak seperti Kristian mempercayai tuhan anak dan tuhan bapa.*



وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Dan tidak ada bagiNya sesuatu apapun yang menyerupaiNya

Jika ada tuhan selain Allah maka mereka berkongsi kekuasaan. Ini bermakna masing-masing tidak berkuasa mutlak.

Bahkan mereka akan berebut kekuasaan dan saling berperang. Bahkan ada yang lebih baik dan ada yang jahat.

Aqal yang sihat akan menolak hakikat ini kerana Dia bukan lagi AHAD





Mutiara sirah

Hakikat Cinta Rasul

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (Ali Imran:31)

Kewajiban Mencintai Rasulullah SAW

- Sudah menjadi kewajiban setiap orang untuk mencintai Rasulullah melebihi dari pada cintanya kepada semua makhluk.
- Buah cinta itu sangatlah agung dan besar yang akan dapat dipetik di dunia dan akhirat.
- Namun kini banyak kekeliruan dalam memahami cinta kepada Rasulullah.

Kenal Sebelum Cinta

- Rasulullah SAW adalah Rasul pilihan Allah yang diutuskan kepada ummat manusia untuk membimbing mereka kepada hidayah Allah; berbuat yang ma'ruf dan mencegah kemungkaran serta beriman kepada Allah.
- Sebelum kedatangan Rasulullah SAW, manusia berada di ambang kehancuran lantaran kebudayaan yang menyebabkan tertegaknya tamadun ketika itu telah hancur.

"Tamadun adalah umpama suatu pohon rendang yang bayang-bayangnya meliputi seluruh dunia; sekarang ia telah terhoyong hayang, dimakan reput hingga ke akar umbinya. Dan di tengah-tengah kerosakan yang sebegitu meluas lahirlah seorang insan yang bakal menyatukan seluruh alam"

Emotion as the Basic of Civilization; oleh J.H Denison



Dari Kegelapan Kepada Cahaya

- Ketika kemanusiaan sedang berada dalam kesesakan nafas diambang maut, Allah menjadikan Nabi Muhammad SAW untuk membangkitkannya semula dan mengeluarkannya dari kegelapan kepada cahaya. Firman Allah SWT;

الرِّكَابَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ (إبراهيم).

I. Alif, Laam, Raa'. ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan Dia kepadamu (Wahai Muhammad), supaya Engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - Dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

- Rasulullah SAW memecah belengu-belengu jahiliyyah dan khurafat dan mengajak manusia kepada pengabdian yang akan membebaskan mereka daripada segala bentuk ikatan lain. Dia mengembalikan kepada mereka kesenangan hidup yang sebenarnya. Firman Allah SWT;
- ... يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُجِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (الأعراف: 157).
- “...yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'ruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belengu yang ada pada mereka”



Keruntuhan Umat Manusia

- Rasulullah SAW didatangkan ketika dunia ini diumpamakan sebuah rumah yang telah dilanda gempa bumi yang dahsyat. Semua yang berada di dalamnya menjadi tunggang langgang, menyebabkan barang-barang berselerakan di sana sini.
- Dalam suasana kekusutan ini, manusia lupakan dirinya. Dia sudah hilang harga diri hinggakan dia tidak segan silu lagi bersujud pada pokok, batu dan air; sujud pada segala kejadian alam yang tidak berkuasa. Kebijaksanaan tidak berguna lagi. Fikirannya menjadi terlalu kusut dan aqalnya menjadi terlalu serong hinggakan dia tidak lagi mampu membezakan antara yang baik dan buruk.
- Akibatnya kemungkaran dipandang sebagai ma'ruf. Lalu serigala ditugaskan menjaga biri-biri, pengkhianat dibenarkan menjadi juru damai. Orang-orang yang besar dan keji hidup aman damai. Kebijaksanaan menipu dianggap sebagai kebijaksanaan manakala kebijaksanaan itu sendiri dianggap sebagai kebodohan. Khazanah yang paling berharga iaitu kemanusiaan sendiri telah mengalami kehancuran.



Murabbi Umat

- Di tengah kepekatan jahiliyyah inilah di utuskan Rasulullah SAW untuk membimbing manusia untuk kembali kepada kemanusiaannya dan menjadi hamba kepada Khaliqnya.
- Baginda lalu berdakwah dan mendidik ummat dengan penuh kecintaan dan ketaatan kepada Allah, dengan penuh kasih sayang kepada manusia serta bersabar dan bersifat lemah lembut dengan segala tentangan, siksaan dan halangan.
- Selama 13 tahun Baginda di Mekkah, penuh keazaman dan ketabahan hati, ia menjelaskan kepercayaan (keimanan) kepada Allah, Kerasulan dan hari kebangkitan. Baginda membangunkan ummat di atas dasar Aqidah yang benar dan mengembangkan dakwah ke segala penjuru alam. Hinggalah sampai kepada kita hari ini.



Kewajiban Mencintai Rasulullah SAW

I. Wajib mencintai Nabi SAW melebihi cintanya kepada diri sendiri.

Imam Bukhari meriwayatkan dari Abdullah bin Hisyam ra. bahwa dia berkata:

Kami pernah bersama Nabi SAW sementara beliau memegang tangan Umar bin Khatthab ra, maka Umar berkata kepada beliau: Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau lebih aku cintai dari segala sesuatu kecuali diriku. Maka Nabi bersabda: Tidak, demi Allah yang jiwaku ada di tangan-Nya! Hingga kamu lebih mencintai aku dari pada dirimu sendiri. Umar berkata kepadanya: Sesungguhnya sekarang engkau lebih aku cintai dari pada diriku sendiri. Nabi bersabda:

“Sekarang wahai Umar.”

(H.R Bukhari)



2. Wajib mencintai Nabi melebihi cintanya kepada orang tua dan anak.

Imam Bukhari meriwayatkan dari Abu Hurairah ra. bahwa Rasulullah SAW bersabda:

Demi dzat yang jiwaku ada di tangan-Nya, tidaklah di antara kalian beriman sehingga aku lebih dicintai dari pada orang tua dan anaknya.

(H.R Bukhari)

3. Wajib mencintai Nabi melebihi cintanya kepada keluarga, harta dan seluruh manusia.

Imam Muslim meriwayatkan dari Anas ra. bahwa Rasulullah SAW bersabda:

Tidaklah seorang hamba beriman sehingga aku lebih dicintai kepadanya dari pada keluarganya, hartanya dan seluruh manusia.

Firman Allah

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Katakanlah: "jika bapak-bapak, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatir kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul- Nya dan (dari) berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusannya". Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasik. (At Taubah 24).

Imam Al Hafidz Ibnu Katsir berkata dalam menafsirkan ayat di atas: Apabila semua perkara dan urusan di atas lebih kalian cintai daripada Allah dan Rasul-Nya serta berjihad di jalan Allah maka tunggulah datangnya bencana dan adzab dari Allah yang akan menimpa kalian.

(Mukhtashar Ibnu katsir-Syekh Nasib Ar Rifa'I)

Buah Cinta Rasul

1. Cinta kepada Nabi boleh mendatangkan manisnya iman

Imam Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan dari Anas ra. bahwa Nabi bersabda:

Tiga perkara, barangsiapa yang berada di dalamnya maka ia akan mendapatkan manisnya iman; bahwa Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai daripada selainnya, bahwa ia mencintai seseorang dan tidak mencintai kecuali hanya kerana Allah, dan ia benci kembali kepada kekafiran seperti kebencian dia bila dilemparkan ke dalam api. (Muttafaqun alaih)

Arti manisnya iman sebagaimana yang disebutkan oleh para ulama adalah merasakan lezatnya segala ketaatan dan siap menderita karena agama serta mengutamakan itu dari pada seluruh materi dunia. (Fathul Bari 1/61)

2. Orang yang mencintai Nabi SAW akan tinggal bersamanya di akhirat

Telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Anas bin Malik ra bahwa ia berkata:

Pernah seorang lelaki datang kepada Rasulullah lalu bertanya: Wahai Rasulullah bila hari kiamat datang? Beliau bersabda: Apa yang kamu persiapkan untuknya? Ia menjawab: cinta kepada Allah dan cinta kepada Rasul-Nya. Beliau bersabda: Engkau akan bersama orang yang kamu cintai. Anas berkata: Kami tidak bergembira setelah masuk Islam lebih daripada mendengar sabda beliau: Sesungguhnya kamu bersama orang yang kamu cintai. Anas RA berkata: Saya mencintai Allah, Rasul-Nya, Abu Bakar dan Umar dengan harapan saya dapat berkumpul bersama mereka walaupun saya tidak beramal seperti mereka.



مَعَهْدُ حَفِظِ الدِّاعِي وَالِدِيَا
MAAHAD TAHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH

Pengambilan PELAJAR BAHARU TAHUN 2024

PENGASAS TAHFIZ MADANI
Al-Fadhil Ustaz Abd Latif
bin Ismail

MUDIR TAHFIZ MADANI
Cikgu Azmi Bin Bahari

MODUL PEMBELAJARAN

- TAHFIZ AL-QURAN
- KAJIAN SIRAH
- MODUL KEPIMPINAN
- TADABBUR AL-QURAN
- KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)
- SIJIL TAHFIZ MALAYSIA (STM)
- SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

KEMUDAHAN

- KANTIN
- KELAS
- SURAU
- DEWAN
- PERPUSTAKAAN
- KELAS HYBRID



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT
MENGENAI PENDAFTARAN

"MEMARTABAT AL-QURAN, MENJUNJUNG SIRAH RASULULLAH SAW"

PERTANYAAN LANJUT

- ☎ 013-795 1281 (HOTLINE MADANI)
- ☎ 011-2429 1315 (PENGASAS)
- ☎ 019-474 4343 (MUDIR)

f TAHFIZ MADANI TELUK INTAN PERAK

Perkembangan Tahfiz MADANI



Maahad Tahfiz MADANI adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan pelajar sesi tahun 2024/25


معهد الداعي لحفيظ القرآن
MAAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH

Minggu PEMANTAPAN ILMU

Tarikh : 18 - 22 Disember 2023
Tempat : Maahad Tahfiz (Madani)

"Quran and Sirah Based Leadership"






KEM SMART SOLAT & PRA HUFFAZ 22-25 Dis 2023



Tajaan & Sumbangan Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah (MADANI)



PELUANG PELABURAN AKHIRAT

Anda ingin memanfaatkan sebahagian harta untuk projek pembinaan ummah?

1. PAKEJ A: TAJAAN PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN- RM 350
 2. PAKEJ B: TAJAAN PEMBELAJARAN PELAJAR – RM 400 (SEBULAN)
 3. PAKEJ C: TAJAAN BIL ELEKTRIK & BIL AIR – RM 200 (SEBULAN)
 4. PAKEJ D: TAJAAN MAKANAN – RM 250 (SEBULAN)
 5. PAKEJ SEIKHLAS HATI – RM 10 atau berapa saja jumlah
- Semoga segala keprihatinan, perhatian dan sumbangan ikhlas tuan/puan ALLAH berkatinya dan membalasnya dengan sebesar-besar ganjaran, diberkati rezeki dan umur dengan keberkatan sedekah jariah ini.

“ VISI

Peneraju dalam pembinaan pemimpin berteraskan Al Quran dan Sirah serta membangunkan potensi pelajar sebagai pemimpin ummah di masa hadapan

“ MISI

Melestarikan sistem pendidikan yang bersepadu dan komprehensif bagi membangunkan keperibadian dan potensi pelajar.

“ ASPIRASI MADANI

Melahirkan Generasi Pemimpin Sohibul Qur'an & Kepimpinan Berasaskan Al Qur'an

“
**Memartabatkan
Al-Quran,
Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW**

